

04/11/2000

`Bahasa Inggeris usah diabaikan, bahasa Melayu tidak diketepi'

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan tetap dengan dasar untuk tidak mengetepikan bahasa Melayu tetapi pada masa yang sama, mahu rakyat jangan mengabaikan bahasa Inggeris.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata soal itu sudah menjadi pendirian umum kerajaan supaya rakyat berkebolehan dalam dua bahasa dengan mudah.

"Kita tidak mengabaikan bahasa Melayu tetapi pada masa yang sama kita tidak boleh mengabaikan bahasa Inggeris. Seseorang boleh mendalami dua bahasa dengan mudah. Kita tidak meminta mereka untuk belajar 10 bahasa.

"Tetapi jika mereka tidak faham bahasa Inggeris, amat sukar untuk mendapat manfaat dalam dunia maklumat sekarang. Anda tidak boleh meminta orang lain menterjemah segala maklumat dalam Internet.

"Adalah mudah untuk anda mempelajari dan memahami bahasa Inggeris daripada mengharap orang lain menterjemahkannya. Kerja menterjemah mengambil masa dan anda tidak boleh menterjemah segala-gala yang keluar dalam bahasa itu," katanya selepas melancarkan perayaan jubli emas Rida-Mara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas sama ada kerajaan berhasrat mengubah dasar berkaitan penggunaan bahasa di negara ini.

Ini berikutan saranan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dalam pembentangan Belanjawan 2001 Jumaat lalu supaya pelajar tidak mengabaikan peluang untuk mempelajari bahasa Inggeris kerana ia menjadi bahasa utama dunia Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT).

Mengenai saranan pihak tertentu supaya kerajaan melonggarkan dasar berkaitan masalah wanita tempatan yang berkahwin dengan rakyat asing tetapi tidak boleh mendaftar anaknya sebagai rakyat Malaysia kerana dilahirkan di luar negara, beliau berkata ia adalah perkara sejagat.

"Ia adalah universal bahawa kewarganegaraan anak mengikut warga negara ayahnya. Tetapi jika mereka mahu menjadi warga negara Malaysia, ada cara lain untuk itu.

"Sekarang kita membenarkan pasangannya untuk bekerja di sini, jadi mereka boleh kembali dan bekerja di sini. Selepas tempoh tertentu, mereka boleh mendaftar sebagai penduduk tetap dan setelah beberapa ketika boleh mendaftar sebagai warga negara dan anak mereka akan menjadi warga negara jika umurnya pada tahap ditetapkan," katanya.

Ketika ini, wanita tempatan yang berkahwin dengan rakyat asing dan melahirkan anak di luar negara, maka anak itu tidak boleh didaftar sebagai warga negara Malaysia.

Sebaliknya, anak itu dibenarkan untuk didaftar sebagai warga negara Malaysia jika ayahnya orang Malaysia yang berkahwin dengan wanita asing.

Dalam Belanjawan 2001 baru-baru ini, Daim mengumumkan galakan bagi mempelawa balik rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran khusus. Antaranya ialah suami/isteri serta anak-anak kepada rakyat Malaysia itu diberi taraf pemastautin tetap dalam tempoh enam bulan daripada tarikh tiba di negara ini.

Mengenai masalah wanita tempatan yang diceraikan suami asing untuk balik ke negara ini kerana anaknya bukan warga negara Malaysia, Dr Mahathir berkata mereka boleh kembali tetapi anaknya sebagai orang asing.

(END)